



## **Had Pendapatan Garis Kemiskinan Makanan bantu golongan memerlukan**

CHENG, 19 Oktober - Bantuan kepada golongan memerlukan dengan Had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Makanan pada kadar RM1,169.

Itu fokus Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) berikutan jumlah permohonan bantuan bagi kategori itu menunjukkan peningkatan.

Menterinya, Datuk Seri Rina Mohd Harun berkata, untuk had PGK Nasional, pihaknya menggunakan kadar RM980 berbanding had PGK yang diumumkan Jabatan Perangkaan Malaysia tahun lalu iaitu RM2,208.

Mengenai had PGK baharu diumumkan Jabatan Perangkaan, ia masih dalam perbincangan memandangkan jika digunakan, peruntukan bantuan lebih tinggi diperlukan.

Beliau mengulas kekeliruan sesetengah pihak tentang penggunaan had PGK untuk permohonan bantuan di bawah KPWKM.

Di Melaka, bagi tempoh Januari hingga September lalu seramai 24,838 penerima bantuan direkodkan dengan nilai bantuan keseluruhan hampir RM94 juta.

<http://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/30397-had-pendapatan-garis-kemiskinan-makanan-bantu-golongan-memerlukan>